

Keberkesanan Penggunaan Terminologi Kejurulatihan Sukan dalam Meningkatkan Penguasaan Kemahiran Bahasa Inggeris-Lisan (BI-L) Murid

Mat Berahim, Zul Aizan Yassin

Kata Kunci:

Kata Kunci: Pendidikan Jasmani, Bahasa Inggeris Lisan, Terminologi, Keberkesanan PdPc



Download
Full PDF

Abstrak:

Bahasa merupakan kaedah untuk berkongsi maklumat dari segi aplikasi terminologi dalam sukan dan ianya dapat digunakan untuk meningkatkan pemahaman, pelaksanaan dan kepekaan pemain. Kajian ini bertujuan mengenalpasti tahap keberkesanan penggunaan terminologi sukan dan PdPc mata pelajaran Pendidikan Jasmani (PJ) dalam meningkatkan tahap penggunaan kemahiran Bahasa Inggeris–Lisan (BI-L) dalam kalangan murid tingkatan satu dan dua SMK. Dato' Mahmud Paduka Raja 2 (SMKDMPR2), Tanah Merah Kelantan. Kajian berbentuk separa eksperimen yang menjadikan program intensif PdPc BI-L selama lapan minggu berdasarkan analisis kajian sebelum dan kajian selepas. Analisis ujian-t dan kolerasi digunakan bagi mengenalpasti perbezaan dan hubungan keberkesanan program yang dijalankan dalam kajian. Hasil kajian mendapati program intensif BI-L yang dijalankan menunjukkan seramai N=223 sampel (84.5%) mencatatkan peningkatan peratus lulus dalam ujian lisan Bahasa Inggeris pada ujian post test berbanding 105 sampel (39.8%) lulus dalam ujian lisan Bahasa Inggeris pada ujian pre test. Ini menunjukkan peningkatan peratus lulus sebanyak 44.7% dalam kedua-dua ujian yang dijalankan. Analisis kolerasi menunjukkan nilai ($N=264$: $r = 0.632$, $\text{sig} = .003$). Nilai kolerasi adalah rendah tetapi kajian ini mendapati nilai signifikan adalah sederhana = .003. Manakala analisis ujian-t menunjukkan nilai ($N=264$: $t = -14.251$, $\text{sig.} = .001$). Kajian menunjukkan berlaku perbezaan yang signifikan dalam penggunaan BI-L dalam kalangan murid tingkatan satu dan dua dalam Pengajaran dan Pemudahcaraan (PdPc) PJ. Dapatkan kajian menunjukkan bahawa melalui penerapan BI-L mata pelajaran PJ dapat membantu meningkatkan kemahiran lisan Bahasa Inggeris dalam kalangan murid tingkatan satu dan dua. Implikasi dan cadangan kajian dikemukakan bagi membuktikan bahawa PdPc PJ mampu meningkatkan kemahiran BI lisan murid di sekolah. Justeru itu, satu modul ringkas dikemukakan untuk rujukan kepada guru PJ.

Keywords:

Keywords: Physical Education, Oral English, Terminology, T&L Effectiveness

Abstract:

Language is a method of sharing information in terms of the application of terminology in sports and it can be used to improve the understanding, execution and sensitivity of players. This study aims to identify the level of effectiveness of the use of sports terminology and PdPc Physical Education (PE) subject in improving the level of use of English-Oral (EO) skills among form one and two students of SMK. Dato' Mahmud Paduka Raja 2 (SMKDMPR2), Tanah Merah, Kelantan. A quasi-experimental study was conducted using an intensive PdPc BI-L program for eight weeks based on pre-test and post-test analysis. T-test and correlation analysis were used to identify differences and relationships in the effectiveness of the programs conducted in the study. The results of the study found that the intensive BI-L program conducted showed a total of $N = 223$ samples (84.5%) recorded an increase in the percentage of passing in the English oral test on the post test compared to 105 samples (39.8%) passed in the English oral test on the pre test. This shows an increase in the pass percentage of 44.7% in both tests conducted. Correlation analysis showed a value ($N = 264$: $r = 0.632$, $\text{sig} = .003$). The correlation value was low but this study found a high significant value = .001. While the t -test analysis showed a value ($N = 264$: $t = 14.251$, $\text{sig.} = .001$). The study showed that there were significant differences in the use of EO among form one and two students in TnL PE. This shows that the application of EO in PE subjects can help improve English oral skills among form one and two students. Several implications and research recommendations are presented to improve oral English proficiency through the use of sports terminology in Physical Education subjects.